

SIDANG WAKAF ANTARABANGSA SINGAPURA

Banyak isu mengenai pembangunan wakaf telah dibentangkan dalam Sidang Wakaf Antarabangsa Singapura 2007 minggu lalu. Ia merupakan sidang yang pertama diadakan di rantau ini. **NORHAIZA HASHIM** (norhaiza@sph.com.sg) dan **SURYANI OMAR** (suomar@sph.com.sg) yang membuat liputan sidang itu merumuskan hasil sidang yang dirasmikan Menteri Kanan, Encik Goh Chok Tong. Bahagian kedua liputan ini akan disiarkan esok.

Perluas takrif wakaf lebihi hartanah



PERTEMUAN PAKAR: Dr Habib Ahmed, pakar ekonomi dari IDB (atas), dan Cik Shamsiah Abdul Karim, Penolong Pengarah Pengurusan Aset Muis.



TEKUN: Para peserta Sidang Wakaf Antarabangsa Singapura 2007 khusyuk mendengar ceramah Pengerusi American Finance House Lariba, Dr Yahia Abdul Rahman, yang begitu bersemangat dalam penyampaian. Sidang tersebut dihadiri 230 peserta dari 13 negara.

Konsep inovatif harus difikirkan bagi teroka potensi wakaf di dunia

DARI segi definisi, kebanyakan wakaf yang dibentuk di dunia adalah dalam bentuk hartanah pegangan bebas.

Namun, tahukah anda bahawa wakaf dapat dibentuk dari segi pembelian saham sebagai sebahagian pelaburan untuk menjana pendapatan bagi si penerima?

Meneroka cara inovatif dan kreatif bagi membangunkan wakaf di dunia merupakan antara topik hangat yang dibincangkan dalam Sidang Wakaf Antarabangsa Singapura 2007 minggu lalu di Hotel Fullerton.

Sidang dua hari itu dianjurkan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Warees Investments Pte Ltd, Institut Kajian dan Latihan Islam (Irti) Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Yayasan Awam Awqaf Kuwait (KAPF).

Sememangnya, wakaf merupakan satu 'bank' milik Islam yang mempunyai potensi pembangunan yang besar.

Berbeza dengan zakat yang dapat mengagihkan harta, wakaf dapat memainkan dua peranan yang dapat menjana dan juga mengagihkan kekayaan, kata Presiden Institut Antarabangsa Kewangan Islam (IIIF), Dr Daud Bakar.

Walaupun sukar dibilang, nilai wakaf di dunia dianggarkan bernilai AS\$100 bilion (\$152 bilion), kata Pengarah Serantau IDB, Dr Ahmed S. Hariri.

Bahkan, ia mampu ditingkatkan ganda bagi lima hingga 10 tahun menda-tang jika dimanfaatkan potensi wakaf.

Pakar ekonomi dari IDB, Dr Habib Ahmed, berkata konsep inovatif harus difikirkan bagi meneroka potensi wakaf.

"Sering kali apabila kita bercakap mengenai wakaf, kita fikirkan hartanah yang diwakafkan.

"Orang ramai harus dididik bahawa wakaf boleh direka dari aset kewangan," katanya.

Satu cara inovatif yang boleh dipertimbangkan ialah instrumen dana amanah pelaburan hartanah (Reit), kata Penolong Pengarah Pengurusan Aset Muis, Cik Shamsiah Abdul Karim.

Malah, Muis sedang menjalankan kajian sama ada Reit Islam boleh diperkenalkan di sini.

"Reit bagi pembangunan wakaf boleh diteroka kerana ia dapat meningkatkan pengwujudan lebih banyak wakaf. Pelabur individu yang ingin mewakafkan aset mereka boleh menyertai pelaburan itu kerana ia memerlukan modal pelaburan yang rendah."

— Cik Shamsiah Abdul Karim, Penolong Pengarah Pengurusan Aset Muis.

SEKILAS MENGENAI PEMBANGUNAN INOVATIF WAKAF DI NEGARA LAIN

United Kingdom:

- ▶ Sebuah institusi, Islamic Relief, menguruskan dana wakaf yang dikumpulkan melalui wakaf tunai (cash wakaf).
- ▶ Islamic Relief menjual saham wakaf bernilai £890. Pemilik saham boleh memutuskan bidang apa yang ingin diberikan dana wakaf itu.
- ▶ Sejak empat tahun lalu, Islamic Relief membantu banyak negara termasuk projek air di Pakistan dan bantuan bencana Tsunami di Indonesia.

Arab Saudi:

- ▶ Zam-zam Towers di Makkah menggunakan konsep bon perkongsian masa (time sharing) atau Sukuk Al-Intifaa.